

UMS Antara Tujuh Agensi Tandatangani MoU dengan FELDA

Oleh Mohd. Affzanizam Mohd Amin

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah menyaksikan satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan tujuh agensi berkaitan secara serentak ada 28 Januari lalu.

Kesemua agensi adalah agensi yang menyokong Program Gedung Makanan Negara yang dicetuskan oleh Datuk Ser Najib untuk dilaksanakan oleh Felda. Antara agensi tersebut ialah Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk projek penyelidikan rumpai laut, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk projek pemasaran produk pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bersama-sama Jabatan Pertanian bagi projek penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian, Jabatan Perikanan untuk pembangunan projek ikan Talapia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk projek pengeluaran lembu pedaging, dan Malaysia Agrifood Corporation Berhad (MAFC) untuk projek penanaman fertigasi tembikai madu.

Felda diwakili oleh pengarah besar Datuk Dzulkifli Abd. Wahab, UMS diwakili oleh Naib Canselor Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon, dan MAFC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Azizi Meor Ngah. Sementara itu FAMA, MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar diwakili oleh ketua pengarah masing-masing iaitu Datuk Mohamed Shariff Abd. Aziz, Datuk Dr. Abd. Shukor Abd. Rahman, Datuk Rosley Khalid, Datuk Junaidi Che Ayub dan Datuk Dr. Abd. Aziz Jamaluddin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd. Hashim Abdullah, Pengerusi FELDA Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor, dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh.

